

PUSAT BIODIVERSITI SABAH



PELAN STRATEGIK (2022 - 2032)



Hak Cipta Pusat Biodiversiti Sabah, Jabatan Ketua Menteri, 2023

Hak Cipta Terpelihara. Tiada bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk sama ada dengan elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada pemilik hakcipta.

Diterbitkan di Malaysia oleh

PUSAT BIODIVERSITI SABAH

Jabatan Ketua Menteri,
Tingkat 19, Blok A, Menara Kinabalu,
Jalan Sulaman, Teluk Likas,
88400 Kota Kinabalu, Sabah
Malaysia

Dicetak di Malaysia oleh

JABATAN CETAK KERAJAAN NEGERI SABAH

KM 4, Jalan Tuaran,
Beg Berkunci 2004,
88554 Kota Kinabalu, Sabah
Malaysia

SIDANG PENGARANG

Pengarang

Dr. Gerald Jetony

Urus Setia

Ken Kartina Binti Khamis

Alessandra Markos

Norfarah Syaquirah Binti Lasri

Nur Zaahrah Binti Karim

Reka Bentuk

Ken Kartina Khamis

Norfarah Syaquirah Binti Lasri

KATA-KATA ALUAN SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SABAH

Assalamualaikum Warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Alhamdulillah dengan izin-Nya, Pelan Strategik Pusat Biodiversiti Sabah 2022 - 2032 telah berjaya dihasilkan. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah dan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat di atas sokongan dan komitmen serta kerjasama dalam menghasilkan Pelan Strategik ini.

Saya yakin Pelan ini akan dapat menjadi rujukan dan panduan untuk pembangunan dan pemuliharaan biodiversiti di Sabah dalam tempoh 10 tahun akan datang.

Saya harap semua strategi, inisiatif dan program yang dirancang ini dapat dilaksanakan berdasarkan petunjuk prestasi (KPI) yang telah digariskan dengan menggunakan teknologi dan inovasi terkini dalam memberikan perkhidmatan terbaik kepada semua pemegang taruh dan rakyat amnya. Saya yakin SaBC sentiasa komited dan bermotivasi dalam usaha untuk menambahbaik kualiti sistem penyampaian perkhidmatan awam melalui inisiatif-inisiatif dan sasaran yang telah ditetapkan di Pelan Strategik ini.

SELAMAT MAJU JAYA

**YANG BERHORMAT DATUK SERI PANGLIMA Sr. HAJI SAFAR BIN
UNTONG, JP**
Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah

PRAKATA



Pertama sekali saya amat bersyukur, dengan kerjasama pasukan editorial dengan khidmat nasihat dari ahli di lantik Majlis Biodiversiti Sabah dan kelulusan Majlis Biodiversiti Sabah, Pelan Strategik Pusat Biodiversiti Sabah bagi tempoh 10 tahun (2022 - 2032) berjaya disiapkan dengan jayanya.

Suatu Pelan yang baik haruslah dengan strategi dan program-program yang berimpak tinggi (*ambitious*) dan dengan berkewajaran (*realistik*) iaitu boleh dicapai dengan pra-syarat yang seminima mungkin. Pusat dalam merangka Pelan telah meneliti cabaran mendatang dan isu-isu semasa.

Adalah menjadi harapan saya dengan adanya Pelan Strategik Pusat Biodiversiti Sabah 2022 - 2032 ini akan menjadi rujukan utama warga SaBC untuk tempoh 10 tahun dalam pembentukan nilai kerja yang lebih berkualiti, terarah dan sistematik dalam melaksanakan inisiatif yang telah ditetapkan di dalam Pelan Strategik ini. Asas kejayaan untuk pelaksanaan Pelan Strategik ini adalah komitmen dan kerjasama seluruh warga. Saya berharap Pelan ini dapat memandu Pusat Biodiversiti Sabah sebagaimana yang diungkapkan dalam visi dan misi.

Terima kasih kepada semua yang terlibat dalam merangka dan membangunkan Pelan Strategik ini.

Sekian, terima kasih.

Gerald Jetony, PHD

Pengarah
Pusat Biodiversiti Sabah
(SaBC)

SENARAI SINGKATAN

ABS	Access Benefit Sharing
BBEC II	Bornean Biodiversity Ecosystem Conservation II
BCF	Biodiversity Centre Fund
CBD	Convention on Biological Diversity
CEPA	Communication, Education and Public Awareness
EU	European Union
FMU	Forest Management Unit
GMO	Genetically Modified Organism
ICT	Information and Communications Technology
IFAD	International Fund for Agriculture Development
IPSI	International Partnership Satoyama Initiative
IUCN	International Union for Conservation of Nature
JPAN	Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri
MAB	Man And Biosphere
MBS	Majlis Biodiversiti Sabah
MNS	Malaysian Nature Society
MOU	Memorandum of Understanding
NCTF	National Conservation Trust Fund
NGO	Non-Government Organization
OECM	Other Effective area-based Conservation Measures
PIC	Prior Informed Consent
SaBAES	Sabah Biodiversity Access and Export System
SaBC	Sabah Biodiversity Centre
SaBIIS	Sabah Biodiversity Integrated Information System
SBC	Sabah Biodiversity Council
SBE2000	Sabah Biodiversity Enactment 2000
SBS (2012-2022)	Sabah Biodiversity Strategy (2012-2022)
SDGs	Sustainable Development Goals
SOP	Standard Operating Procedure
UNDP	United Nations Development Programme
UNESCO	United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization
WWF	World Wildlife Fund

PENGHARGAAN

Jutaan terima kasih diucapkan kepada YB Datuk Seri Panglima Sr, Haji Safar Bin Untong, Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah kerana telah memberi peluang dan kepercayaan kepada Pusat Biodiversiti Sabah untuk menghasilkan perancangan jangka masa panjang iaitu Pelan Strategik Pusat Biodiversiti Sabah dalam tempoh 10 tahun ke hadapan (2022-2032).

Sekalung budi dan penghargaan kepada Dr. Waidi Sinun, Prof. Madya. Dr. Monica Suleiman, Dr. John Tay, Prof. Dr. Clemente Michael Wong Vui Ling dan Dr. Julenah Binti Ag. Nuddin selaku Ahli Majlis Biodiversiti yang dilantik yang telah banyak memberi sumbangan idea dan pendapat dalam menghasilkan Pelan Strategik Pusat Biodiversiti Sabah (2022-2032).

Selain itu, terima kasih yang tidak terhingga kepada Puan Siti Fatimah Binti Amberen (Pegawai Interim Hi-Talent) atas khidmat bakti yang banyak membantu dalam proses penyediaan awal Pelan Strategik ini. Juga kepada staf SaBC yang telah berpindah ke organisasi lain seperti Puan Nayang-Liyana binti Bahari, Siti Nur Sabrina binti Yusof, Mohd. Azhan bin Azman dan Mohd. Rithaudeen Bin Mohd. Ali.

Akhir kata, setinggi-tinggi terima kasih dan juga penghargaan kepada semua kakitangan Pusat Biodiversiti Sabah di atas kesudian untuk membantu dan memberikan kerjasama serta menyumbang tenaga serta idea yang baik secara langsung mahupun tidak langsung dalam menjayakan penghasilan buku Pelan Strategik Pusat Biodiversiti Sabah (2022-2032).



ISI KANDUNGAN

Kata-Kata Aluan.....	I
Prakata.....	II
Senarai Singkatan.....	III
Penghargaan.....	IV
Isi Kandungan.....	V
Bahagian 1: Latar Belakang	1
1.1 Pengenalan.....	2
1.2 Fungsi Pusat Biodiversiti Sabah.....	3-4
1.3 Visi dan Misi	
1.3.1 Visi.....	5
1.3.2 Misi.....	5
1.4 Sejarah dan Perkembangan Pusat Biodiversiti Sabah.....	6-7
1.5 SWOT Analisis.....	8
Bahagian 2: Teras	9
2.1 Pengenalan.....	10
2.2 Objektif Pelan Strategik Pusat Biodiversiti Sabah (2022-2032).....	10
2.3 Teras.....	10
Bahagian 3: Strategi-Strategi Pelaksanaan	11
3.1 Teras 1: Pengurusan Yang Berkesan.....	12
<i>(Effective Management)</i>	
3.1.1 Strategi 1.....	12
3.1.2 Strategi 2.....	13
3.1.3 Strategi 3.....	13
3.1.4 Strategi 4.....	14
3.2 Teras 2: Pengurusan/Penggunaan Yang Mampan.....	14
<i>(Sustainable Management/Utilisation)</i>	
3.2.1 Strategi 5.....	14-15
3.2.2 Strategi 6.....	15-16
3.3 Teras 3: Kerjasama Yang Strategik dan Bestari.....	16
<i>(Smart/Strategic Collaboration)</i>	
3.3.1 Strategi 7.....	16
3.3.2 Strategi 8.....	16-17
3.3.3 Strategi 9.....	17
3.4 Teras 4: Pengurusan Data dan Sistem Maklumat.....	18
<i>(Data Management/Information System)</i>	
3.4.1 Strategi 10.....	18
3.4.2 Strategi 11.....	18
Bahagian 4: Penutup	19
4.1 Pelaksanaan Pelan Tindakan.....	20
4.2 Pra-Syarat Faktor Kejayaan.....	20
Bahagian 5: Lampiran	21
LAMPIRAN A.....	22-34

BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG

1.1 PENGENALAN

Pusat Biodiversiti Sabah (SaBC) telah ditubuhkan pada 25 April 2008 dan mula beroperasi pada 7 Mei 2008. Ia ditubuhkan sebagai strategi negeri untuk meningkatkan kerajaan dalam pengurusan dan penggunaan biodiversiti. Penubuhan SaBC bersama Majlis Biodiversiti Sabah (MBS) menjadi kerangka pengurusan dalam memperkukuh pemuliharaan, perlindungan dan pelaksanaan perundangan sumber biologi Sabah.

Enakmen Biodiversiti Sabah 2000 (SBE2000)* yang digubal pada tahun 2000 dan berkuat kuasa pada tahun 2008 telah membawa kepada penubuhan SaBC. Ia menghendaki SaBC untuk melaksanakan 13 tugas disesuaikan dalam Seksyen 9 SBE2000** yang boleh dikategorikan kepada 5 bidang utama iaitu:

1. Bahagian Pengurusan Bioteknologi dan Maklumat ICT,
2. Bahagian Pengurusan Pentadbiran dan Kewangan,
3. Bahagian Pengurusan Perlesenan dan Penguatkuasaan,
4. Bahagian Pengurusan Pemeliharaan; dan
5. Bahagian Perkongsian Faedah

Enakmen Biodiversiti Sabah 2000 telah dipinda sebanyak 2 kali sejak ianya diluluskan pada tahun 2000, iaitu pada 2017 dan 2023. Pada 2017, pindaan Enakmen Biodiversiti Sabah adalah berkaitan Akses sumber biologi dan perkongsian faedah. Manakala pada tahun 2023 pindaan Enakmen Biodiversiti Sabah telah memperkukuhkan lagi SaBC dengan menjadikan ianya satu entiti di bawah Jabatan Ketua Menteri dengan diketuai oleh seorang Pengarah. Pindaan 2023 juga telah memasukkan jadual bagi 126 spesies sumber biologi yang dilindungi di bawah Enakmen.



1.2 FUNGSI

1.1 Pusat Biodiversiti Sabah (SaBC) diwujudkan secara formal di bawah Enakmen Biodiversiti Sabah (2000) pada Mei, 2008. Setelah pindaan kepada Enakmen Biodiversiti Sabah 2000 pada 10 Ogos 2023, merujuk kepada seksyen 9, Pusat Biodiversiti dipertanggungjawabkan secara umum antara lain:

- (i) Menyediakan kerajaan dengan maklumat atau data yang tepat mengenai status, magnitud, pembahagian, penggunaan dan nilai biodiversiti di Sabah;
- (ii) Menyediakan dasar dan garis panduan bagi pengurusan dan penggunaan sumber biologi bagi tujuan farmasi, perubatan dan tujuan-tujuan tertentu yang lain;
- (iii) Menjalinkan kerjasama dengan badan atau orang perseorangan termasuk agensi-agensi kerajaan yang lain, negeri dan persekutuan dalam memperbaiki dan meningkatkan pemeliharaan dan pengurusan sumber biologi di Sabah;

(iv) Mengenalpasti potensi atau produk baru dan bioteknologi yang didapati daripada biodiversiti dan sumber-sumber biologi Sabah;

(v) Mewujudkan satu sistem pangkalan data bagi semua barang pameran, rekod yang dipamerkan dan ditulis berkenaan dengan penggunaan, penanaman dan pengurusan sumber-sumber biologi Sabah;

(vi) Mewujudkan satu rangkaian penyelidikan dengan institusi pengajian tinggi, institusi penyelidikan, perpustakaan dan pusat-pusat dokumentasi / pengumpulan maklumat bagi tujuan merekodkan pengetahuan biodiversiti;

(vii) Menjalankan semua aktiviti yang pada pendapat Majlis adalah perlu, berfaedah atau memudahkan bagi atau berkaitan dengan pelaksanaan tugas-tugasnya.



1.2 FUNGSI

1.2 Pada tahun 2017, Enakmen Biodiversiti Sabah (2000) telah dipinda dengan memasukkan elemen-elemen yang terkandung dalam Nagoya Protocol, 2010 yang membolehkan perkongsian faedah di antara pemilik sumber biologi dan pengetahuan tradisi dengan pengguna sumber biologi berkenaan.

1.3 Pusat Biodiversiti Sabah telah dipertanggungjawabkan menyelaras dan memantau pelaksanaan Strategi Biodiversiti Sabah (SBS) 2023-2032.

1.4 Pusat Biodiversiti melalui Majlis biodiversiti Sabah telah dipertanggungjawabkan sebagai agensi fokal bagi konvensyen antarabangsa seperti Ramsar dan MAB.

1.5 Pada tahun, 2020, Kerajaan Negeri Sabah melalui Pusat Biodiversiti Sabah telah memperkasa Enakmen Biodiversiti Sabah dengan menyediakan Peraturan-Peraturan Akses dan Perkongsian Faedah, protokol untuk Prior Inform Consent (PIC) dan draf perjanjian perkongsian Faedah.

1.6 Melalui pindaan Enakmen Biodiversiti Sabah 2000 pada 10 Ogos 2023, peranan Pusat Biodiversiti Sabah diwujudkan sebagai satu entiti di bawah Jabatan Ketua Menteri Sabah yang diketuai oleh seorang Pengarah. Fungsi-fungsi Pusat sebelum ini telah menjadi kuasa dan fungsi kepada Pengarah Pusat Biodiversiti Sabah.

1.7 Pelbagai aktiviti telah dilaksanakan semenjak penubuhan SaBC pada tahun 2008. Program-program tersebut meliputi penerokaan bioteknologi, sistem penyimpanan maklumat biodiversiti, pendaftaran kawasan pemeliharaan dengan konvensyen antarabangsa seperti Ramsar, UNESCO, MAB dan aktiviti lain. Walaupun program dan aktiviti tersebut merupakan termasuk bidang tanggungjawab SaBC tetapi ianya tidak selaras dan searah bagi mencapai satu objektif jangka panjang. Sehubungan dengan itu, satu plan jangka panjang perlu diadakan bagi memastikan sumber biodiversiti dapat menyumbang kepada kemakmuran dan kesejahteraan rakyat Sabah.





1.3.1 VISI

Beraspirasi untuk menjadi pusat yang mendapat pengiktirafan antarabangsa dalam pengurusan dan penggunaan mapan sumber biodiversiti.

"Aspire to be an Internationally recognized centre in sustainable management and utilization of biological resources"


1.3.2 MISI

Menyediakan pengurusan yang sistematik dan berkesan berdasarkan fakta-fakta saintifik dan kerjasama strategik bagi mencapai penggunaan mapan sumber biodiversiti di Sabah.

"To provide an effective management based on scientific partnership in order to achieve sustainable use of biodiversity in Sabah"

1.4 Sejarah dan Perkembangan

- 2000** • Enakmen Biodiversiti Sabah diluluskan di Kabinet Negeri
- 2007** • Mesyuarat Majlis Biodiversiti Sabah pertama kali diadakan
- 2008** • Penubuhan Pusat Biodiversiti Sabah dan terlibat dalam Bornean Biodiversity Ecosystem Conservation (BBEC II)
- 2009** • Logo SaBC diwujudkan
• SaBC dilantik sebagai Ramsar focal point dan Man and Biosphere focal point oleh Majlis Biodiversiti Sabah



- 2011**
 - Rancangan Pengurusan Tapak Tanah Lembap Hilir Kinabatangan Segama Ramsar diterbitkan:
 1. Jilid 1 Rancangan Pengurusan
 2. Jilid 3 Ramsar CEPA kit
 - Terlibat dalam penganjuran Asean Wetlands Symposium dan Tanak Wetland.
 - Permohonan Lesen Akses & Eksport mula dikuatkuasakan Penyelidik antarabangsa.
- 2012**
 - Memulakan Projek Unlocking Sabah's Marine and Terrestrial Biotechnological Potential dengan Universiti Malaysia Sabah.
 - Sabah Biodiversity Strategy 2012-2022
- 2013**
 - Memulakan Projek Discovery of Next Generation of Fluorescent Proteins.
 - Sabah Biodiversity Integrated Information System diwujudkan dan mulai digunakan
- 2014**
 - Crocker Range Park diisytihar sebagai Kawasan Man and Biosphere Reserve yang pertama di Sabah dan kedua di Malaysia selepas Tasik Chini, Pahang.
 - Memulakan Projek Fasa 1 :Penerokaan Anti Barah/ Anti Oksidan daripada sumber biologi Sabah dengan Avanticell Asia Pacific Sdn Bhd.
- 2015**
 - Menganjurkan Persidangan dan pameran "Bio Borneo" di Kota Kinabalu, Sabah
- 2016**
 - Kota Kinabalu Wetland diisytihar sebagai Tapak Ramsar kedua Sabah
 - Memulakan Projek Fasa 2 : Selected Cell-Based Screening Of Natural Products with Avanticell Asia Pacific Sdn Bhd



1.4 Sejarah dan Perkembangan

- 2017
- Pejabat SaBC berpindah dari Bangunan Innoprise ke Menara Kinabalu (Pusat Pentadbiran Negeri Sabah)
 - Fasa 3 :Cell-Based screening of Natural Products with Proven Biological Activity Bersama Avanticell Asia Pacific Sdn.Bhd
 - Pindaan Enakmen Biodiversiti Sabah



Penguatkuasaan Enakmen Biodiversiti Sabah Pindaan 2017.

- 2018
- Penyelidik tempatan perlu mendapatkan/memohon Lesen Akses & Eksport sebelum menjalankan aktiviti penyelidikan.
 - Pindaan ini merangkumi aktiviti Akses dan Perkongsian Faedah (ABS).



Memulakan pelaksanaan permohonan lesen akses dan lesen eksport sumber biologi kepada penyelidik melalui Sabah Biodiversity Access and Export System (SaBAES).

- 2019
- Protokol Melangkap diwujudkan
 - Pembayaran yuran lesen akses dan eksport sumber biologi diperkenalkan
 - Sabah Biodiversity Integrated Information System Version 2 (SaBIIS V2) diwujudkan
 - Newsletter pertama diterbitkan
 - Sambutan Hari Biodiversiti pertama diadakan di Kg. Kolusunan, Inanam
 - SaBC dilantik sebagai ahli Steering Committee for Satoyama Initiative (IPSI).



- 2020
- Memulakan projek Establishing a Culture Collection of Bacteria from Marine & Conservation Sites of Sabah dengan IPB, UMS



- 2021
- Garis panduan Keizinan Termaklum Awal (Prior Informed Consent) diwujudkan
 - Prosedur Permohonan Lesen Akses dan Eksport Sumber Biologi diwujudkan
 - Projek Atlas Biodiversiti Sabah dimulakan



- 2022
- Projek mencalonkan Sukau - Kinabatangan sebagai tapak Man and Biosphere Reserve (MAB), UNESCO dimulakan
 - Projek Kajian Halatuju Pembangunan Bioteknologi Sabah dimulakan

- 2023
- Kinabalu Birdwing / Kalibambang Emas (Troides andromache) dijadikan sebagai State Butterfly
 - Pindaan Enakmen Biodiversiti Sabah
 - Strategi Biodiversiti Sabah 2012 - 2022 dikaji semula



1.5 Analisis

Strength



- The Sabah Biodiversity Enactment 2000
- The Sabah Biodiversity Council (decision made collectively)
- Licensing protocols / procedures in place
- Multi-stakeholders (public, private & non government)
- income generating (from license)
- Digitalization (online application for licence)
- Networking (Federal, NGO, International)

Weakness

- Lack of necessary online information on biodiversity
- Understaff / lack of capacity
- Lack of regulation
- Commercialization of biodiversity has not started
- Lack of facilities, infrastructure and equipment
- Lack of dedicated / fixed fund
- No sustainable source of funding
- Role to facilitate funding for biodiversity conservation
- Advancement of research trend in specific field - biotechnology
- Lack of enforcement
- Lack of involvement / organization in international function
- Visibility



Threat



- Pandemic
- Tourism / Tourists
- Invasive Species
- Information Security Threat
- Commitment from other agencies

Opportunities

- Partnership (private, public and NGO)
- Availability of fund / annual grant from the Government
- NGO quite active of conservation
- Bio-prospecting
- Partnership with biotechnology / conservation existing company
- Availability of international funding
- Community contributions
- Strategy on funding proposal



BAHAGIAN 2: TERAS

2.1 PENGENALAN

Pembentukan Pelan Strategi Pusat Biodiversiti Sabah (2022-2032) adalah berdasarkan empat (4) Teras. Empat teras ini adalah bersesuaian dengan visi dan misi serta fungsi Pusat Biodiversiti Sabah yang dinyatakan pada Perkara 1.2 dan juga berpandukan kepada Enakmen Biodiversiti Sabah 2000 iaitu Perkara 9 (1) (g) "Merancang dan memulakan program penggunaan, pemeliharaan, perlindungan dan perkembangan berterusan biodiversiti dan sumber-sumber biologi".

Pelan strategik ini adalah pertama kalinya diolah dan dihasilkan pada Disember 2021 dan pertama kali dibentangkan di dalam bengkel khusus bagi membincangkan pelan ini iaitu pada 19 sehingga 21 Januari 2022. Bengkel tersebut dihadiri oleh semua warga kerja Pusat Biodiversiti Sabah dan Ahli Majlis Biodiversiti Sabah (Ahli Dilantik). Hasil daripada bengkel tersebut, teras, petunjuk kejayaan dan tempoh pelaksanaan setiap strategi telah ditetapkan.

2.2

OBJEKTIF PELAN STRATEGIK PUSAT BIODIVERSITI SABAH (2022-2032)

Pelan Strategik dihasilkan adalah untuk:

1. Memudahkan dan memantau pelaksanaan strategi Pusat Biodiversiti Sabah dalam tempoh 10 tahun.
2. Memantau pengoperasian pelan strategi dan pencapaian hasil strategi.
3. Menyelaraskan dan memantau prestasi Pusat Biodiversiti Sabah sesuai dengan misi dan visi serta fungsi pusat.

2.3 TERAS

Teras 1: Pengurusan Yang Berkesan (Effective Management)

Setiap perancangan mempunyai sasaran kerja masing-masing. Oleh itu, pihak pengurusan iaitu organisasi sendiri haruslah mempunyai pengurusan yang berkesan dengan cara mengukur pencapaian sasaran kerja mereka. Kekangan dari segi sumber manusia, sumber kewangan, sumber fizikal dan sumber informasi akan menyebabkan prosedur pengurusan terjejas. Oleh yang demikian, pihak pengurusan mengambil inisiatif untuk mengukuhkan lagi sumber kewangan jabatan, membangunkan kapasiti organisasi dan sistem penguatkuasaan serta menyediakan platform kepada orang ramai khususnya bagi program kesedaran.

Teras 2: Pengurusan/Penggunaan Yang Mampan (Sustainable Management/Utilisation)

Pengurusan dan penggunaan sumber biologi khususnya di Sabah haruslah dititikberatkan kerana Sabah kaya dengan hasil sumber biologi yang pelbagai yang mempunyai manfaat tersendiri. Oleh itu, pengurusan dan penggunaan sumber biologi yang mengikut prosedur yang betul dan teratur akan memberi manfaat kepada generasi semasa dan generasi yang akan datang. Bagi memastikan perkara ini berlaku, pihak pengurusan hendaklah mengukuhkan bahagian dasar peraturannya dan garis panduan kepada pengguna tentang penggunaan sumber biologi yang terdapat di Sabah agar pengguna menggunakan sumber tersebut dengan mampan. Jajaran daripada penggunaan yang mampan dapat membantu dalam meningkatkan sumbangan dan hasil penggunaan biodiversiti kepada Kerajaan Negeri Sabah.

Teras 3: Kerjasama yang Strategik dan Bestari (Strategic Partnerships/Transparency)

Pencapaian sesuatu sasaran atau kejayaan lebih berkesan dan jika pihak pengurusan bekerjasama dengan satu atau lebih daripada organisasi, agensi atau badan bukan kerajaan yang mempunyai matlamat yang sama. Teras ini bukan sahaja dapat mempromosi dan mempergiat aktiviti penyelidikan di Sabah, tetapi juga membantu dalam mendapatkan pengiktirafan di kalangan komuniti, masyarakat, kebangsaan dan antarabangsa.

Teras 4: Pengurusan Data dan Sistem Maklumat (Data Management/Information System)

Sistem informasi yang teratur, lengkap dan sahih adalah sangat diperlukan untuk membantu dalam melaksanakan perancangan bagi sesebuah pengurusan. Selain itu data atau informasi asal yang ditukar kepada maklumat yang berguna juga boleh digunakan untuk membuat keputusan dalam organisasi. Maklumat ini juga berguna untuk semua pengguna dan lapisan masyarakat tentang kepelbagaian biodiversiti serta manfaatnya. Oleh yang demikian, maklumat ini akan menjadi rujukan dan garis panduan kepada pengguna agar menggunakan sumber biologi dengan mampan dan secara tidak langsung akan memberi kesedaran kepada semua pengguna tentang kepentingan pengurusan sumber biologi di Sabah.

BAHAGIAN 3: STRATEGI-STRATEGI PELAKSANAAN

3.1

TERAS 1: PENGURUSAN YANG BERKESAN (EFFECTIVE MANAGEMENT)



STRATEGI 1: Membangunkan kapasiti sumber manusia dengan pengetahuan terkini pengurusan dan penggunaan sumber biodiversiti.

Program/Aktiviti 1:

Memohon penambahan jumlah pegawai Pusat Biodiversiti Sabah. Permohonan ini dapat dilaksanakan melalui permintaan daripada projek-projek pembangunan di bawah Pusat Biodiversiti Sabah.

KPI: Sekurang-kurangnya 10 pegawai tambahan

3 tahun

Program/Aktiviti 2:

Menggalakkan pegawai mengikuti program prasiswazah dan pascasiswazah dengan memberi peluang pembelajaran dan pembiayaan melalui kolaborasi dengan institusi/program tempatan dan antarabangsa.

KPI: Minimum 30% dengan kelayakan lepasan ijazah

5 tahun

Program/Aktiviti 3:

Menempatkan sekurang-kurangnya seorang pegawai dalam program sangkutan bidang tertentu di dalam dan luar negeri dalam tempoh tertentu sepanjang tahun 2022-2032 dan tahun berikutnya. Program ini dapat dilaksanakan dengan hasil kerjasama Pusat Biodiversiti Sabah bersama Kementerian/Jabatan/Agensi lain.

KPI: Minimum seorang pegawai

10 tahun

Program/Aktiviti 4:

Mengadakan atau menghantar sekurang-kurangnya seorang pegawai mengikuti latihan atau kursus jangka pendek mengenai pembangunan skill dan bakat seperti pengucapan awam, penulisan saintifik, penyediaan cadangan kertas kerja permohonan projek, *Community Engagement* dan pengurusan maklumat. Justeru, setiap pegawai dapat membangun kompetensi tertentu melalui penglibatan latihan tersebut.

KPI: Minimum seorang pegawai diberi latihan

10 tahun

Program/Aktiviti 5:

Carta organisasi yang dipohon untuk tujuan menambah kapasiti sumber manusia bagi Pusat Biodiversiti Sabah diberi kelulusan oleh pihak Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri JPAN.

KPI: Kelulusan daripada JPAN

3 tahun

STRATEGI 2: Menggalakan program komunikasi, latihan, penyertaan dan kesedaran dalam pengurusan dan penggunaan sumber biodiversiti di Sabah.

Program/Aktiviti 1:

Menyediakan pelan komunikasi bagi memberi kesedaran tentang kepentingan biodiversiti kepada kesejahteraan kehidupan manusia sejagat dengan kehadiran pakar atau orang yang berpengaruh (*influencer*).

KPI: Pelan CEPA dihasilkan

1 tahun

Program/Aktiviti 2:

Menganjurkan program latihan bagi memberikan pendedahan kepada pelaksanaan program pemuliharaan dan aspek-aspek berkaitan sebagai contoh *Sabah Nature Club* dengan menghasilkan modul dan mengadakan sekurang-kurangnya satu program latihan dalam setahun.

KPI: 1. Modul dihasilkan 2. Sekurang-kurangnya 1 latihan diadakan setahun

10 tahun

Program/Aktiviti 3:

Mengadakan program kesedaran penggunaan pengetahuan tradisi masyarakat asal dalam aktiviti pemuliharaan dan penggunaan sumber biodiversiti terhadap kumpulan sasaran tertentu dengan menggunakan pendekatan biobudaya.

KPI: Mengadakan 1 program setahun

10 tahun

STRATEGI 3: Membangunkan sistem penguatkuasaan yang berkesan.

Program/Aktiviti 1:

Memperkuhi aspek perundangan dalam penguatkuasaan di bawah Enakmen Biodiversiti Sabah dengan menyediakan peraturan dan *Standard Operational System (SOP)*, skop kompeun dan sebagainya dengan menyediakan keada-keada pelaksanaan (*rules*). Aspek ini akan diselia dan dipantau oleh seorang kakitangan yang dipertanggungjawabkan.

KPI: 1. SOP dihasilkan 2. Peraturan disediakan

10 tahun

Program/Aktiviti 2:

Melengkapkan Pusat Biodiversiti dengan keperluan asas penguatkuasaan seperti kenderaan, alat komunikasi dan latihan pengetahuan asas peridaktikan.

KPI: 1. Mempunyai pengetahuan asas 2. Perkongsian pintar (*smart partnership*)

10 tahun

Program/Aktiviti 3:

Menjalinkan kerjasama dengan agensi-agensi yang berkaitan dan pihak-pihak berkepentingan yang lain dalam aspek penguatkuasaan sumber biodiversiti iaitu menjadi ahli dalam penguatkuasaan yang dipengerusikan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar.

KPI: Mengadakan bengkel penguatkuasaan bersama jabatan lain

10 tahun

Program/Aktiviti 4:

Mewujudkan perisikan siber bagi memantau aktiviti-aktiviti akses dan pembawaan keluar sumber biodiversiti di Sabah. Aktiviti ini akan diselia dan dipantau oleh seorang pegawai yang terlatih dan dipertanggungjawabkan.

KPI: Seorang pegawai dilantik sebagai perisikan siber

10 tahun

Program/Aktiviti 5:

Menyediakan sistem aduan awam.

KPI: Menyediakan satu sistem aduan yang melibatkan pemegang taruh

1 tahun

STRATEGI 4: Sumber kewangan yang mampan.

Program/Aktiviti 1:

Geran yang diperuntukkan oleh Kerajaan Sabah.

KPI: Meningkatkan 10% setiap tahun

10 tahun

Program/Aktiviti 2:

Pembiayaan Korporat dengan mengaktifkan Tabung Biodiversiti Sabah bagi mendapatkan sumbangan dari badan korporat, swasta, perseorangan dan Badan Bukan Kerajaan (NGOs) sebagai contoh Petronas, Shell, Sime Darby, FNM dan sebagainya.

KPI: 3 pembiayaan dalam tempoh 5 tahun.

10 tahun

Program/Aktiviti 3:

Pembiayaan Persekutuan dengan cara memohon sumber kewangan daripada kerajaan persekutuan atau badan-badan berkaitan seperti National Conservation Trust Fund (NCTF), Ecological Fiscal Transfer (EFT) dan Yayasan Hasanah atau pembiayaan terus.

KPI: Sekurang-kurangnya 1 projek / program diperakui

10 tahun

Program/Aktiviti 4:

Pembiayaan Antarabangsa dengan mengusahakan bagi mendapatkan dana antarabangsa untuk tujuan pelaksanaan konservasi biodiversiti di Sabah.

KPI: Sekurang-kurangnya 1 projek antarabangsa dalam tempoh 2 tahun

10 tahun

Program/Aktiviti 5:

Pembiayaan bersama iaitu melalui aktiviti perkongsian faedah dengan melaksanakan aktiviti penyelidikan komersial di Sabah.

KPI: Sekurang-kurangnya 1 projek penyelidikan komersial yang berjaya dalam tempoh 3 tahun

10 tahun

3.2 TERAS 2:

Pengurusan/Penggunaan yang mampan

(Sustainable management / utilisation)

STRATEGI 5: Menyediakan Pusat Biodiversiti Sabah dengan dasar, peraturan, garis panduan bagi pengurusan dan penggunaan sumber biodiversiti termasuk pelan pengurusan bagi program dan aktiviti yang dijalankan.

PROGRAM / AKTIVITI

KPI / TAHUN

Menggubal dan memantau satu (1) dasar bioteknologi negeri pada tahun 2022 dan tempoh pelaksanaan adalah pada tahun 2023-2032.

Mewujudkan satu (1) dasar bioteknologi di Sabah
Wujudkan dasar : 2023
Pelaksanaan : 2024 - 2032


BAHAGIAN 3: STRATEGI-STRATEGI PELAKSANAAN

PROGRAM / AKTIVITI	KPI / TAHUN
Mengkaji semula dan memantau Strategi Biodiversiti Sabah (2012-2022) yang dibuat pada tahun 2022.	Kajian semula Strategi dilaksanakan Kajian semula : 2023 Pelaksanaan : 2024 - 2032
Peraturan di bawah Enakmen Biodiversiti Sabah 2000 dimuktamadkan.	Diluluskan MBS 2024 - 2025
